

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 OGOS 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Jumlah hutang keseluruhan negara turun mulai 2027

Jumlah hutang keseluruhan negara turun mulai 2027

Jumlah hutang keseluruhan negara akan mula menurun bermula 2027 ke atas apabila jumlah hutang terdahulu yang matang akan mula berkurang, jelas Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, dalam tempoh dua tahun mentadbir, hutang baharu tahunan berjaya diturunkan sebanyak RM14 bilion, iaitu RM86 bilion bagi 2024 berbanding RM100 bilion dalam 2022.

"Jika prestasi ini dapat dikekalkan, jumlah hutang keseluruhan negara akan mula menurun bermula 2027 ke atas apabila jumlah hutang terdahulu yang matang akan mula berkurang," katanya dalam satu hantaran di

laman sosial rasmi beliau, semalam.

Rafizi berkata, baru-baru ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim maklumkan bahawa jumlah hutang baharu berkurang setiap tahun selepas Kerajaan MADANI mengambil alih.

Beliau berkata, hutang baharu yang diambil kerajaan dijangka turun kepada RM86 bilion untuk 2024 berbanding RM93 bilion dalam 2023 dan RM100 bilion dalam 2022.

"Saya selalu terangkan bahawa pada masa kerajaan komited kurangkan hutang baharu setiap tahun, kita masih perlu membayar hutang yang diwarisi.

"Jadi, jumlah hutang tahunan itu perlu mengambil kira bayaran hutang terdahulu setiap tahun. Tempoh matang hutang kerajaan selalunya antara tiga ke lima tahun, ada yang lagi panjang dari itu," katanya.

Rafizi menjelaskan, profil hutang terdahulu yang perlu dibayar kerajaan sekarang ialah pada 2023 sebanyak RM78 bilion, 2024 (RM97 bilion), 2025 (RM89 bilion) dan 2026 (RM97 bilion).

"Maknanya, hutang-hutang yang diambil oleh kerajaan terdahulu kini perlu dibayar oleh kerajaan sekarang," jelasnya.

Rafizi berkata, walaupun ekonomi makin baik dan cukai yang

dikutip lebih tinggi, namun berikutan tempoh matang hutang terdahulu perlu dibayar, jumlah hutang keseluruhan masih kelihatan tinggi.

Justeru, katanya, prestasi mengurangkan hutang perlu diteliti juga dari segi jumlah baharu hutang tahun yang diambil oleh pentadbiran sekarang, seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri.

Anwar baru-baru ini menegaskan bahawa kerajaan komited mengurangkan pinjaman bersih atau hutang baharu sebagai langkah jangka pendek meningkatkan keupayaan kewangan negara.

Perdana Menteri ketika berucap merasmikan Persidangan

Cukai Kebangsaan 2024 menegaskan bahawa kerajaan menasarakan bahawa kerajaan menasarakan untuk mengurangkan pinjaman tahunan kepada RM86 bilion bagi 2024 berbanding RM93 bilion pada 2023, dan RM100 bilion pada 2022.

Beliau berkata, pada 2021 dan 2022, negara berhutang sebanyak RM100 bilion sebelum dikurangkan secara berperingkat oleh Kerajaan MADANI.

"Pinjaman kerajaan perlu dikurangkan walaupun hutang masih membengkak. Sebab itu saya nyatakan turunkan pinjaman dengan pada 2023 pada RM93 bilion dan 2024 dikurangkan lagi kepada RM86 bilion," katanya.